

Sesuai dengan tanggungjawab agen perubahan .

Ubah sikap terlebih dahulu — Mahathir

KUALA LUMPUR, 8 Julai — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kakitangan kerajaan perlu mengubah sikap mereka terlebih dahulu, sebelum mengubah sikap orang lain sesuai dengan tanggungjawab mereka sebagai agen perubahan dalam pembangunan negara.

Menurut Perdana Menteri, sikap bekeja untuk makan gaji perlu dikikis kerana ia tidak dapat menjamin kemajuan negara.

"Tidak guna kalau kita bergnji besar tetapi tidak dapat memberi manfaat kepada masyarakat," katanya ketika merasmikan kursus orientasi Kementerian Pertanian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau berkata, untuk menjadi agen perubahan yang baik, kakitangan kerajaan perlu menyedari tanggungjawab mereka sebagai jentera kerajaan yang berkesan untuk menentukan supaya pro & peralihan berlaku dengan cepat, sentak dan berjaya.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, masyarakat juga perlu sanggup menerima perubahan untuk menjamin mereka memperoleh kemajuan.

"Kemajuan tidak akan diperolehi sehingga kita sanggup menerima perubahan dan jika tidak, kita akan terus menjadi masyarakat yang mundur," jelas beliau.

Katanya, walaupun tidak semua perubahan itu baik, tetapi masyarakat perlu mencuba terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

Kebendaan

Di satu pihak lain, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat supaya dapat hidup dalam keadaan yang lebih selesa dan membebaskan mereka dari keadaan kemiskinan.

"Usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan di seluruh negara, kita jalankan bersungguh-sungguh dan melalui berbagai cara," tambah beliau.

Kata beliau, tidak salah jika rakyat bersikap kebendaan untuk memajukan diri asalkan mereka tidak tamak dan tidak mengeneipkan soal kerohanian.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, sikap ma-

kayaan yang diperolehi dari bidang ini telah membolehkan bidang industri berkembang," tambah beliau lagi.

Kata beliau, kerajaan akan terus member-

terialistik hanya dianggap buruk jika rakyat menjadi tamak dalam mengejar kekayaan sehingga menindas orang lain dan tidak memikirkan keadaan alam sekitar.

Beliau menambah, mencari kekayaan secara halal dengan mengambilkira keadaan sekeliling dan tidak menindas mana-mana pihak adalah satu kewajipan.

"Sebab itulah kerajaan berusaha meningkatkan pendapatan rakyat kerana jika kita terlalu miskin dan terdesak, kadangkala kepercayaan kepada agama sekalipun akan luntur," jelas beliau.

Kata beliau, manusia akan melakukan apa sahaja yang tidak pernah diduga apabila terdesak seperti yang dilakukan oleh rakyat di Bangladesh yang anggota badan mereka untuk mendapatkan wang.

Perdana Menteri seterusnya berkata, walaupun pertumbuhan industri lebih pesat sejak kebelakangan ini, kerajaan tetap memberi perhatian kepada bidang pertanian kerana bidang ini merupakan asas kekayaan negara.

"Kita tidak lupa bidang pertanian kerana ke-

perhatian serius terhadap bidang pertanian supaya rakyat yang terlibat dengan bidang ini dapat turut mengecapi kesenangan seperti rakyat yang lain.